

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 4 DISEMBER 2019

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan punca utama pihak Lembaga Lada Malaysia (LLM) menghentikan sementara pembelian lada hitam sehingga menjejaskan pendapatan pengusaha dan penanam lada hitam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama pihak Lembaga Lada Malaysia (MPB) menghentikan sementara pembelian lada khususnya pada masa kemuncak iaitu musim penuaian lada adalah kerana kapasiti stor di seluruh pejabat cawangan MPB tidak mampu menampung penyimpanan stok sekiranya aktiviti pembelian masih diteruskan. Dalam hal ini, aktiviti pembelian lada akan diberhentikan untuk tempoh 2 minggu bagi menyelaraskan semula ruang stor simpanan dan aktiviti pembelian lada akan disambung semula dengan pembelian harga yang sama.

Sehubungan itu, pelbagai langkah telah diambil oleh MPB untuk mengurangkan kepadatan semasa musim penuaian lada dan telah melakukan yang terbaik untuk menampung dan membeli lada daripada pekebun lada setiap hari. Pihak MPB juga telah membeli lada pada harga di antara RM0.80 hingga RM2.00 sekilogram lebih tinggi daripada harga semasa yang ditawarkan oleh peniaga lada (*traders*) di Malaysia bergantung kepada lokasi. Hal ini dilakukan supaya dapat membantu para pekebun lada mendapatkan nilai yang lebih tinggi untuk komoditi lada seterusnya dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih